

**BAB 6 Kesan Pentadbiran Barat
Terhadap Ekonomi dan Sosial**


1. Pemerintahan British telah memperkenalkan sistem ekonomi modendi negara kita. Apakah ciri-ciri ekonomi moden?
 - I keuntungan
 - II Teknologi moden
 - III Modal yang besar
 - IV pengumpulan harta
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
2. Di Sarawak kegiatan melombong emas di Bau pada tahun 1820-an telah diusahakan oleh
 - A Orang China
 - B Orang Murut
 - C Pembesar tempatan
 - D Pengusaha Eropah
3. Akibat daripada permintaan yang tinggi terhadap bijih timah, British telah menubuhkan dua syarikat perlombongan untuk mengusahakan bijih timah iaitu
 - I Gopeng Consolidated
 - II Harrison and Crossfield
 - III Sime Darby Corporation
 - IV Syarikat Malayan Tin Dredging
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
4. Tanaman berikut berkaitan dengan sejenis tanaman tradisional di negeri Sarawak.

- Giat diusahakan oleh masyarakat Melanau.
 - Ditanam di Sungai Igan, Mukah dan Bintulu.

Apakah tanaman tersebut?


 - A Sagu
 - B Kelapa
 - C Gambir
 - D Tembakau

5. Gambar berikut merujuk kepada H.N.Ridley



Apakah usaha tokoh tersebut untuk menggalakkan penanaman getah?

- A Pemodenan kaedah torehan
 - B Membawa masuk buruh asing
 - C Membina landasan kereta api
 - D Penubuhan pusat penyelidikan getah
6. Graf 1 menunjukkan kadar pengeluaran bijih timah di Tanah Melayu oleh pemodal Eropah dan pemodal Cina




Mengapakah pengeluaran pemodal Eropah meningkat selepas tahun 1926?

- A Pelaburan orang Cina berkurangan
 - B Penggunaan teknologi moden
 - C Kawalan harga oleh kuasa Eropah
 - D Sokongan daripada pembesar Melayu
7. Mengapakah British membawa masuk buruh dari India dan China ke Tanah Melayu pada abad ke-19?
 - A Mengimbangi komposisi kaum
 - B Menambah bilangan penduduk
 - C Melicinkan pentadbiran kerajaan
 - D Memaksimumkan keuntungan

- 8 Bagaimanakah akta Tanah Simpanan Melayu yang diperkenalkan oleh British pada 25 November 1913 memanfaatkan orang Melayu?

A Memperkenalkan sistem perladangan
 B Meneruskan ekonomi tradisional
 C Mempelbagaikan jenis tanaman
 D Mengekalkan hak milik tanah

- 9 Menunjukkan cara kemasukan buruh luar ke Tanah Melayu semasa pentadbiran British.



Apakah persamaan antara sistem kangani dengan Sistem Kontrak?

A Dibawa masuk ke Tanah Melayu oleh British
 B Bekerja dengan majikan sehingga hutang tambang selesai
 C Majikan dibayar berdasarkan jumlah komisen
 D Tempat tinggal tidak disediakan

- 10 Berikut adalah merupakan jabatan kerajaan yang di tubuhkan oleh British negara kita

I Jabatan Pengangkutan
 II Jabatan Kerja Raya
 III Jabatan Pertanian
 IV Jabatan Air

A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

- 11 Apakah kesan peristiwa berikut?

Tahun	Peristiwa
1897	British menubuhkan Lembaga Pesuruhjaya Wang di bawah ordinan XIII

A Mata wang tradisional terhapus
 B Nilai mata wang merosot
 C Pinjaman wang sukar diperoleh
 D Penggunaan mata wang asing asing dibenarkan

- 12 Mengapakah pihak British memajukan sistem pengangkutan seperti berikut?

- Perkhidmatan kereta api
- Jaringan jalan raya

A Menyediakan kemudahan awam
 B Melancarkan perjalanan penduduk
 C Mengeksploitasi kekayaan ekonomi
 D Memindahkan penduduk ke bandar

- 13 Berdasarkan peta berikut, mengapakah pembinaan landasan kereta api tertumpu di pantai barat?



A Kepadatan penduduk
 B Kerjasama pemerintah
 C Kos pembinaan yang murah
 D Kekayaan bahan mentah

- 14 Apakah tujuan pembinaan landasan kereta api pada tahun 1900 menghubungkan Beaufort dengan Jesselton dan Tenom?

A Membawa penumpang ke pedalaman
 B Perkembangan perusahaan Antimoni
 C Sistem jalan raya yang tidak baik
 D Pembukaan ladang getah

- 15 Mengapakah British menubuhkan Kolej Melayu Kuala Kangsar pada tahun 1905 kepada anak raja dan golongan bangsawan?

A Melahirkan pentadbir Melayu dalam perkhidmatan kerajaan
 B Mendapat sokongan penduduk tempatan
 C Mengukuhkan kedudukan pemerintah
 D Meningkatkan taraf hidup rakyat